


SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 11 / 2009
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

GARIS PANDUAN TAMBAHAN BAGI PENGHANTARAN KE LUAR NEGERI UNTUK:
A) DIHANTAR BERTUGAS ATAU MENGHADIRI PERSIDANGAN / MESYUARAT
B) MENGHADIRI PROGRAM YANG BERUPA LATIHAN JANGKA PENDEK

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sebagai tambahan kepada Surat-Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 18/1995 bertarikh 27 Rabiulakhir 1416/23 September 1995 dan bilangan 6/1997 bertarikh 20 Zulkaedah 1417/29 Mac 1997, maka adalah dengan ini Jabatan Perdana Menteri menetapkan garis panduan berikut dalam mempertimbangkan penghantaran pegawai/kakitangan ke luar negeri sama ada bagi tujuan bertugas, menghadiri persidangan, mesyuarat atau menghadiri program yang berupa latihan jangka pendek:

- i. Tidak menghantar seorang pegawai secara berseorangan ke luar negeri sama ada lelaki atau perempuan.
 - ii. Tidak menghantar seorang pegawai lelaki dan seorang pegawai perempuan yang tiada hubungan mahram secara berduaan sahaja.
 - iii. Sekiranya tidak dapat dielakkan seorang pegawai lelaki dihantar bersama dengan seorang pegawai perempuan yang tiada hubungan mahram, maka hendaklah juga disertai seorang pegawai perempuan yang lain.
2. Sehubungan dengan ini, perenggan (A)(2)(c)(iii) daripada Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 6/1997 mengenai garis panduan bilangan penyertaan pegawai-pegawai menghadiri mesyuarat adalah dengan ini dipinda seperti berikut:
- "Mesyuarat di peringkat 'working group' (Pegawai Kanan) dihadiri oleh tidak lebih dari tiga (3) orang Pegawai."
3. Di dalam keadaan di mana persidangan, mesyuarat atau program yang berupa latihan jangka pendek disertai sama oleh pegawai-pegawai dari pelbagai Kementerian/Agensi, maka Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Ketua-Ketua Jabatan berkenaan adalah dikehendaki membuat penyelarasan dan perundingan bersama bagi mengambil langkah proaktif untuk menetapkan bilangan pegawai bagi menepati garis panduan yang tersebut di atas.



- 2 -

4. Dalam apa jua keadaan di mana penghantaran pegawai ke luar negeri tidak terhurai di dalam Surat Keliling ini, Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Ketua-Ketua Jabatan adalah diamanahkan untuk mempertimbangkan dengan sebaik-baiknya sebelum membuat apa jua keputusan kearah penghantaran pegawai-pegawai di bawah jagaan mereka masing-masing dan dengan kebenaran Menteri, supaya tujuan memelihara kesejahteraan pelayaran serta perkara-perkara yang relevan kepada hal ehwal penghantaran mereka ke luar negara diambil perhatian sepenuhnya.

Sekianlah sahaja yang dapat disampaikan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

[AWANG SA BALI BIN ABAS]

Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan, BA1000
Negara Brunei Darussalam

Rujukan : (11) JPM/SK/2009

Tarikh : 27 Ramadhan 1430 / 17 September 2009